

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Rangkaian Produk Panasonic Makin Bergaya dengan Siri Peti Sejuk Anggun yang Baharu**

**Petaling Jaya, 15 September 2015** – Panasonic Malaysia telah melancarkan siri peti sejuk rekabentuk rata baru dengan tujuan meningkatkan penjualan pada peringkat kedua tahun fiskal 2015. Sebagai tambahan kepada rangkaian terkini yang terdiri daripada 19 model, Panasonic akan melancarkan 7 model untuk memberikan warga Malaysia lebih banyak pilihan menerusi 26 model ini.

Dilengkapi ciri-ciri unggul, peti sejuk tersebut direka agar kelihatan canggih – rekabentuk rata premiumnya mempunyai pintu gelas klasik yang memberikan penampilan menakjubkan dari segi estetik. 5 daripada 7 model baru ini mempunyai kemasan gelas yang membuatnya tahan lasak serta mudah untuk dibersihkan. Salah satu model utama yang diperkenalkan merupakan model Pintu Perancis Panasonic baru yang anggun, khas buat warga Malaysia yang muda dan bergaya. Dengan rekabentuk luarannya yang bergaya, model Pintu Perancis yang jimat ruang ketika pintu dibuka cukup sesuai buat kediaman yang mempunyai ruang terhad.

“Menerusi pelancaran model baru ini, kami bertujuan memperkukuhkan rangkaian kami dengan memberikan para pengguna pilihan beraneka jenis. Kami yakin dapat mencatatkan peningkatan penjualan menerusi pelancaran model baru ini,” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Tambah Cheng, “Matlamat kami adalah untuk mendapatkan kembali bahagian pasaran no.1 dalam pasaran peti sejuk dengan memberikan warga Malaysia pelbagai pilihan peti sejuk rekabentuk anggun. Selain daripada memperbaiki rekabentuk kami, ciri-ciri unggul peti sejuk kami seperti Econavi, Inverter dan Prime Fresh merupakan sesuatu yang diketahui am.”

Antara ciri-ciri utama peti sejuk kami adalah:

1. Inverter – Semua peti sejuk yang baru dilengkapi pemampat Inverter yang membolehkan pelarasan penggunaan tenaga automatik untuk penjimatan tenaga.
2. Econavi – Menyesuaikan diri mengikut gaya hidup pengguna serta membuat penilaian aspek penggunaan yang berlainan menerusi pengesan bijak dan ECO untuk mendapatkan rumusan penjimatan tenaga berdasarkan rutin harian pengguna.
3. Prime Fresh – Membekukan makanan pada -3 darjah Celcius, dimana lapisan luar makanan hanya beku secara sedikit. Dengan ini, wujudnya lapisan penghadang agar perisa dan kesegaran makanan dikekalkan. Makanan juga kekal segar buat masa yang lebih lama, iaitu sehingga 7 hari sambil mengurangkan tersebarnya bau makanan.
4. Vitaminsafe – ciri yang hanya terdapat di siri model CY, sistem ini terdiri daripada lampu LED hijau dan biru berkelip di dalam ruangan sayur-sayuran yang melindungi kandungan vitamin buah-buahan dan sayur-sayuran dalam simpanan.

Tambah Cheng, “Pada tahun 2015, kami akan mempunyai sebanyak 26 pilihan model peti sejuk buat pengguna. Para pengguna akan berpeluang memilih peti sejuk mereka mengikut keperluan serta gaya hidup masing-masing. Dengan rekabentuk rata premiumnya yang baru, kami amat yakin bahawa para pengguna kami mampu mendapatkan model yang cukup bersesuaian.”

Katanya, “Selaras dengan slogan sejagat kami iaitu *A Better Life A Better World*, Panasonic Malaysia berazam untuk terus menyumbang kepada komuniti tempatan menerusi produk dan servis yang cemerlang. Ini adalah selaras dengan cogan kata Panasonic Malaysia *Enriching the Lives of Malaysian Families*.”

## **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)